

Pesakit palsy serebrum serlah bakat melukis

[FOTO HAFIZ SOHAIMI /BH]



Fiza (dua dari kiri) melawat Pusat Pendidikan Konduktif Kanak-Kanak Palsy Serebrum, di Kuala Lumpur, semalam.

Kuala Lumpur: Seramai 10 pesakit Gabungan Anak-Anak Palsy Serebrum (GAPS) menyerlahkan kreativiti dan bakat seni mereka dengan menghasilkan lukisan pada program Rantaian Kasih Skwad Terima Kasih (STK) anjuran Media Prima Berhad (MPB).

Pesakit palsy serebrum merujuk kepada golongan yang tidak mampu mengawal koordinasi dan pergerakan otot mereka.

Pengurus Komunikasi Pengguna Kumpulan MPB, Aina Mardhia Mohd Fahmi, berkata semua hasil lukisan peserta berusia tiga hingga 19 tahun itu akan dijual secara lelong pada 12 Jun ini.

Hasil jualan disalurkan kepada 7 organisasi STK

Katanya, semua hasil keuntungan jualan lukisan berkenaan akan disalurkan kembali kepada tujuh organisasi yang menyertai STK, termasuk Majlis Bagi Orang Buta Ma-

Info

Tujuh pertubuhan terbabit dengan STK

- **Majlis Bagi** Orang Buta Malaysia
- **Persatuan** Pengasih Malaysia
- **Jabatan Penjara** Malaysia
- **Gabungan** Anak-Anak Palsy Serebrum (GAPS)
- **Persatuan Orang** Pekak Johor Bahru
- **Persatuan** Spinal Muscular Atrophy (SMA)
- **Pertubuhan** Orang Kerdil Malaysia (PKOKM)

laysia, Persatuan Pengasih Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

“Pada masa sama, inisiatif itu bermatlamat memberi kesedaran kepada orang awam mengenai keindahan lukisan oleh golongan berkenaan.

“Kita mahu orang ramai tahu orang kurang upaya (OKU) berupaya menghasilkan sesuatu,” katanya ketika ditemui di Pusat Pendidikan Konduktif Kanak-kanak Palsy Serebrum, di sini semalam.

Yang turut hadir, Duta SKT yang juga personaliti MPB, Fiza Sabhan dan Presiden GAPS, Rafizah Ahmad.

Sementara itu, Fiza berharap masyarakat terutama yang berkemampuan membeli hasil lukisan sebagai tanda sokongan sekali gus memberi semangat kepada mereka untuk menghasilkan lebih banyak hasil seni masing-masing pada masa depan.